

27/08/2005

Mahathir-Akhlak

MAHATHIR BIMBANG ORANG BIASA LAKUKAN JENAYAH BERAT

BATU PAHAT, 27 Ogos (BERNAMA) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa bimbangan dengan kadar jenayah berat yang dilakukan oleh orang biasa di negara ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata keadaan itu menunjukkan nilai-nilai mulia di kalangan masyarakat di negara ini semakin terhakis.

"Oleh itu saya mengharapkan agar usaha menanam nilai-nilai mulia di kalangan masyarakat kita ini khususnya generasi muda dipertingkatkan," katanya semasa berucap di majlis pelancaran buku "Salam Buat Mahathir" di Sekolah Menengah Kebangsaan Senggarang di sini.

Dr Mahathir berkata jika ia tidak dilakukan bersungguh-sungguh, budaya masyarakat Malaysia seperti tidak suka pada pergaduhan dan kekasaran, akan hilang.

"Ini budaya di Malaysia...tidak berbalah terlalu sangat. Walaupun tidak bersetuju dengan sesuatu, kita tak buat benda-benda kasar," katanya.

Beliau berkata masyarakat Malaysia juga tidak pernah lupa menghargai sumbangan yang telah diberikan oleh pemimpin dan individu lain terhadap pembangunan negara.

"Apabila kita berkhidmat ada kalanya dihargai dan ada kalanya dicemuh. Tetapi apabila terima penghargaan seperti ini ia berjaya menghilangkan rasa tidak senang kerana kata-kata kesat yang diterima tadi," katanya.

Dr Mahathir turut melahirkan rasa terharu dengan penghargaan yang diberikan oleh guru dan pelajar sekolah itu menerusi penghasilan buku berkenaan.

"Saya banyak menerima penghargaan semasa jadi Perdana Menteri tetapi kali ini ia unik sikit sebab buku ini ditulis oleh guru dan murid sekolah ini. Saya telah terima buku ini dan saya telah semak dan saya dapati pandangan di dalam buku ini amat menarik dan membanggakan saya," katanya.

Dr Mahathir juga menghargai sambutan yang diberikan oleh masyarakat setempat kerana datang beramai-ramai untuk memeriahkan majlis itu walaupun ia hanya dibuat oleh sebuah sekolah.

Turut hadir isteri beliau Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

NM AKT MAI